

SELEPAS 40 TAHUN, KPFMB TERUS MENCIPTA EKONOMI MASYARAKAT LUAR BANDAR.

Kuala Lumpur, 16 Disember 2022 – Walaupun dengan ramalan bahawa dunia akan mengalami kemelesetan ekonomi pada tahun 2023, industri koperasi diyakini mampu berperanan meringankan beban rakyat Malaysia di luar bandar khususnya dari kalangan B40.

Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) yang baru, YAB Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi berkata bahawa koperasi menawarkan perniagaan yang selamat dan pada masa sama memberi manfaat persekitaran yang besar kepada masyarakat setempat kerana sistem tadbir urus yang baik dan dikawal selia oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM).

Beliau turut memuji pencapaian unggul koperasi seperti Koperasi Peserta-Peserta Felcra Malaysia Berhad (KPFMB) yang berjaya berkembang serta mencipta kejayaan dengan menceburi pelbagai bidang seperti perladangan, hartanah, pembangunan dan peruncitan selama 40 tahun operasinya.

Menurut Pengerusi KPFMB Dato' Haji Sabari Misran, kemampuan mereka untuk bertahan dan mengecapi kejayaan demi kejayaan walaupun selepas 40 tahun penubuhan menunjukkan bahawa dengan sokongan dan kerjasama yang diberikan oleh anggota koperasi, kemelesetan demi kemelesatan yang dihadapi dunia akan mampu ditangani dengan jayanya.

Namun begitu, koperasi perlu berani untuk mencuba sesuatu yang baru dan bergerak seiring dengan perkembangan terkini agar sentiasa relevan dalam dunia perniagaan komersial semasa. Malah menurut Sabari, adalah wajar untuk koperasi melakukan penjenamaan semula dari masa ke semasa agar sentiasa diterima oleh masyarakat di samping menyuntik nafas baru dalam perniagaan dan strategi pemasaran supaya anggota sentiasa teruja seterusnya menyokong usaha-usaha yang dirancang oleh pihak pengurusan koperasi.

Beliau dipetik ketika berucap di Majlis Sambutan 40 Tahun serta Mesyuarat Agung Perwakilan tahunan Kali ke 40 Koperasi Peserta-Peserta Malaysia Berhad di Hotel Seri Pacific Kuala Lumpur malam tadi. Disempurnakan oleh YAB Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi, turut hadir ialah Timbalan Menteri KKDW, YB Datuk Rubiah Wang, Menteri Besar Pahang merangkap Pengerusi PKPP Agro Sdn Bhd, YAB Dato' Sri Haji Wan Rosdy Wan Ismail, Ketua Setiausaha Kementerian KKDW, Datuk Sri Ramlan Bin Harun, Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar) KKDW, Datuk Che Murad Sayang Bin Ramjan dan Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan) KKDW, Encik Mas Rizal Bin Mohd Hilmi.

YAB. Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) turut menyaksikan majlis menandatangani perjanjian usahasama yang dimeterai di antara Koperasi Peserta FELCRA Malaysia Berhad (KPFMB) dan PKPP Agro Sdn. Bhd. bagi pelaksanaan kontrak tapak semaian kelapa sawit di Mukim Lepar, Pahang.

#TAMAT#

MENGENAI KOPERASI PESERTA-PESERTA MALAYSIA BERHAD (KPFMB)

Koperasi Peserta-Peserta Malaysia Berhad (KPFMB) telah ditubuhkan pada 29 Julai 1979, di Lekir, Sitiawan, Perak, hasil daripada cetusan idea bekas Pengerusi FELCRA, iaitu Dato' Haji Akasah bin Haji Abd Rahman, bekas Ketua Pengarah FELCRA, iaitu Dato' Mustapa bin Juman serta pegawai FELCRA yang lain. KPFMB telah didaftarkan pada 18 Oktober 1980, di bawah Ordinan Koperasi 1948 (sekarang Akta Koperasi 1993). KPFMB telah memulakan aktivitinya dengan modal syer sebanyak RM499.00 pada tahun 1980 dengan keanggotaan seramai 38 orang sahaja. KPFMB telah mendapat kerjasama daripada Bahagian Peneroka FELCRA. Penambahan saham dibuat melalui potongan P & L setiap tahun bermula dari tahun 1981 hingga 1999. Pada peringkat awal penubuhannya, ahli KPFMB merupakan anggota individu sehinggalah tahun 1985 apabila status tersebut ditukar kepada keanggotaan mengikut gabungan KPR di setiap negeri. Dengan usaha bersungguh-sungguh yang dilakukan oleh pegawai FELCRA pada hari ini, keanggotaan dan modal syer KPFMB telah bertambah menjadi RM11.5 juta dengan keanggotaan sebanyak 151 buah KPR yang melibatkan ahli individu FELCRA seramai 50,832 orang.

Dikeluarkan Oleh:
Bahagian Komunikasi Korporat
FELCRA Berhad
Tel: 03-4145 5440